

22 APR 1999

MALAYSIA-KDNK

MALAYSIA BOLEH CAPAI PERTUMBUHAN LIMA PERATUS DALAM TAHUN 2000, KATA AHLI EKONOMI

KUALA LUMPUR, 22 April (Bernama) -- Malaysia boleh mencatat pertumbuhan lima peratus keluaran dalam negara kasar (KDNK)nya tahun depan, terutamanya disebabkan oleh langkah-langkah yang telah diambil bagi merangsang perbelanjaan di dalam negeri, kata ahli-ahli ekonomi hari ini.

Unjuran lima peratus itu telah dinyatakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mengumumkan kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ketujuh (RMT) hari ini.

Dr Mahathir juga telah mengumumkan langkah-langkah bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mapan bagi baki tempoh rancangan tersebut yang akan berakhir tahun depan.

"Perbelanjaan berterusan kerajaan, khususnya dalam projek-projek yang menjana permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan tempatan, akan merangsang perbelanjaan dalam negara yang diperlukan bagi pemulihan ekonomi," kata seorang ahli ekonomi kepada Bernama.

Peruntukan pembangunan kerajaan Persekutuan bagi keseluruhan RMT akan ditambah sebanyak RM22 bilion lagi kepada RM89.5 bilion daripada RM67.5 bilion.

Katanya dengan usaha mengelakkan kemunculan semula tekanan harga dan untuk membendung inflasi, orang ramai akan lebih berkeyakinan untuk mengguna dengan lebih banyak keupayaan lebih dalam sistem sekarang.

Seorang lagi ahli ekonomi berkata prospek bagi pertumbuhan yang lebih pesat amat baik berikutan langkah-langkah untuk menyalurkan perbelanjaan awam kepada projek-projek jangka pendek.

"Kerajaan berharap lajakan pertumbuhan 1999 (satu peratus KDNK) akan melimpah dengan banyaknya ke tahun 2000 bagi membolehkan Malaysia mencapai sasaran lima peratus," katanya.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan bahawa pertumbuhan juga dipengaruhi faktor luaran, sambil menambah bahawa AS, salah satu rakan perdagangan penting Malaysia kini menikmati ekonomi kukuh, tetapi berapa lamakah keadaan ini akan berlanjutan, tiada siapa yang tahu.

Sementara itu, peniaga-peniaga berkata rangsangan yang dibentangkan dalam kajian separuh penggal itu akan "mengembalikan Malaysia ke landasan ke arah pertumbuhan ekonomi."

Seorang peniaga menegaskan bahawa pasaran telah memberikan tindak balas positif terhadap kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ketujuh.

Bursa Saham Kuala Lumpur ditutup lebih tinggi hari ini. Penanda aras Indeks Komposit menokok 19.73 mata menjadi 636.43 dengan 331.063 juta saham diniagakan.

"Ramai pelabur asing memasuki pasaran, terutamanya dana-dana yang berpangkalan di Amerika Syarikat," katanya.

Seorang peniaga yakin sentimen kukuh akan berlanjutan esok manakala pasaran bersiap sedia menguji tahap halangan 650 mata. -- BERNAMA

AD/MK KY OS